

The Curve



Edisi 1

2010 - Disember

Buletin Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM



Pejabat KKP anjurkan FAT Secara Bersiri

Audit Berjadual PKKP di PTj

Pekerja diberi tip keselamatan di pejabat



Kandungan

Sidang ... dari Meja Ketua Editor

Tinta Pengarah

Info PKKP UTeM

Visi ... si Objektif PKKP

Carta Organisasi PKKP

UTeM anjur ... dan P ... amatan ... ran

Pekerja diberi tip keselamatan
berada di Pejabat

UTeM anjur Bengkel Mewujudkan
Peta Pengungsian Bangunan

Staf ... Kursus First Aid Team

Kakitangan UTeM belajar
Teknik Bantuan Kecemasan

Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM

Kalendar Aktiviti PKKP Tahun 2010

T
55
.A1
.C87
2010
a
v1

Sidang Redaksi

Penasihat	Engr.Zulkifli bin Shariff
Ketua Editor	Syamsul Iqbal bin Hj. Mohd Akin
Editor	Nor Zalipah binti Suliman Azlan bin Ahmad
Pembaca Prof	Nor Zalipah binti Suliman
Jurugambar	Siti Norfazlin binti Misran Muhamad Jamal bin Ramli

T55.A1 .C87 2010 v1



87516011



Tinta Pengarah

Assalamualaikum wbt.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya terhasillah penerbitan buletin sulong Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM ini yang dikenali sebagai The Curve. Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi The Curve dan staf Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan khususnya yang berhempas pulas menjayakan penerbitan ini.

Sebagai pihak yang menyelaraskan hal ehwal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di UTeM ini, saya merasakan kehadiran Buletin ini adalah bertepatan dengan hasrat UTeM yang meletakkan warga kerja Universiti sebagai teras untuk memenuhi misi dan visi universiti dimana peranan Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah sebagai hub kepakaran dan pemangkin sumber penyebaran maklumat berkaitan keselamatan di tempat kerja disamping membentuk kesedaran terhadap bahaya ditempat kerja kepada semua staf dan juga mahasiswa-mahasiswi UTeM sendiri.

Penerbitan Buletin ini diharap menjadi wadah penyalur maklumat dikalangan warga Universiti selain pemangkin kepada mempromosikan aktiviti-aktiviti ilmiah dan akademik juga wacana ilmu yang berjaya dilaksanakan oleh Pejabat ini. Selain itu, ianya juga menjadi medium kepada ahli akademia untuk bersama menghasilkan sebarang bentuk penulisan dan penerbitan ilmiah untuk dikongsi bersama di dalam buletin ini sejajar dengan aspirasi Universiti.

Syabas.... "Kompetensi Teras Kegemilangan"

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum wbt. / Salam Sejahtera

Saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Canselori dapat menerbitkan The Curve, Buletin Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UTeM.

Saya bagi pihak warga kerja sidang Redaksi mengucapkan terima kasih kepada Pengarah atas cetusan idea bagi penerbitan buletin ini. Begitu juga dengan sokongan, dokongan dan dorongan semua staf Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi menjayakan buletin ini.

Justeru besarlah harapan kami dari Sidang Redaksi agar segala aktiviti Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan begitu jua dengan perkhidmatan terkini berkaitan dapat disalurkan kepada semua staf UTeM untuk dikongsi bersama.

Akhir kalam, setinggi-tinggi tahniah buat semua yang telah menjayakan penerbitan Buletin ini.

Tahniah dan Syabas

Info Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM

Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (BKPP) telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil.5 Tahun 2005 yang bersidang pada 13 Julai 2005.

Pada awal penubuhannya, Bahagian ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melaksanakan tugas dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut dengan sepenuh masa agar lebih efektif. Segala input, data dan maklumat yang didapati oleh bahagian ini akan tertakluk kepada perbincangan, kebenaran dan kelulusan daripada jawatankuasa.

Berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 29 Tahun 2009, bertarikh 30 April 2009, Universiti telah meluluskan penubuhan dan pelantikan Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Canselori UTeM dimana En. Zulkifli bin Shariff telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai Bahagian ini.

Tujuan penubuhan Bahagian ini dimurnikan dengan penambahan aspek untuk merancang, melaksana serta memantau hal ehwal yang berkaitan dengan aspek-aspek keselamatan di UTeM berpandukan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) yang telah dikuatkuasakan pada 25 Februari 2004.

Visi, Misi, & Objektif Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UTeM

Visi PKKP

Menjadi Peneraju Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Misi PKKP

Memastikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja UTeM Terjamin

Objektif PKKP

Untuk meningkatkan kerjasama dan permesyuaratan di antara majikan dan pekerja di dalam meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Untuk mewujudkan saluran komunikasi dua hala dalam pnyaluran maklumat yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Untuk meningkatkan minat dan motivasi semua kumpulan pengurusan dan pekerja di dalam isu berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Untuk membantu dalam penyediaan,perlaksanaan, penyemakan semula dan peningkatan dasar keselamatan dan kesihatan. Membuat segala cadangan pembaikan dan pemulihan yang perlu diambil berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Bahagian ini juga bertanggungjawab sebagai pusat rujukan dan maklumat kepada masyarakat kampus dan agensi luar berkenaan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Penolong Pendaftar pertama bahagian ini, En. Syamsul Iqbal Mohd Akin pula diamanahkan untuk memperkemaskan struktur organisasi bahagian ini pada 1 Jun 2009. Pada awalnya, bahagian ini beroperasi di dua lokasi iaitu di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer yang menempatkan Pejabat Pengarah manakala bagi Penolong Pendaftar pula di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Bagi melancarkan operasi pentadbiran dan hasil perbincangan bersama, Bahagian ini berpindah ke Bangunan Pusat Pengajian Siswazah pada awal September 2009.

Berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Bil.13 Tahun 2010, berkaitan Pengstruktur Organisasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka, nama Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah ditukar nama kepada Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Canselori.

Carta Organisasi Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Canselori



Pengarah
Engr. Zulkifli bin Shariff



Penolong Pendaftar
En. Syamsul Iqbal bin Hj. Mohd Akin



Penolong Jurutera
Pn. Nor Zalipah binti Suliman



Penolong Jurutera
En. Azlan bin Ahmad



Pembantu Tadbir
Pn. Siti Norfazlin binti Misran

Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UTeM telah menganjurkan Kursus Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran Siri 1/2010 pada 17 dan 18 Mac bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh.

Kursus ini disediakan khas untuk Ahli Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dilantik di setiap jabatan serta fakulti tentang peranan, tanggungjawab, kemahiran menyelamat dan mengendalikan peralatan ketika menghadapi situasi kebakaran.

Peserta kursus telah didedahkan dengan pengetahuan mengenai punca kebakaran, teknik menyelamat serta diperkenalkan dengan pelbagai jenis peralatan yang digunakan untuk memadamkan kebakaran. Setiap peserta diberikan peluang merasai sendiri pengalaman menyelamatkan mangsa dan mengendalikan peralatan seperti penyembur serbuk, penyembur air serta latihan memadamkan kebakaran di tapak yang disediakan di perkarangan balai tersebut.

UTeM ANJUR KURSUS KESELAMATAN DAN PENCEGAHAN KEBAKARAN



PEKERJA DIBERI TIP KESELAMATAN BERADA DI PEJABAT

Kursus Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran Siri 2/2010 anjuran Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, UTeM telah diadakan di Dewan Auditorium Pusat Pengajian Siswazah UTeM, Durian Tunggal pada 13 hingga 14 April 2010.

Kursus berkenaan dijayakan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar UTeM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh, Melaka dimana kursus ini selaras fungsi pejabat ini yang bertanggungjawab menyebarkan maklumat berkaitan keselamatan, disamping membentuk kesedaran terhadap bahaya ketika ditempat kerja.

Kursus ini merupakan siri kedua diadakan untuk kakitangan yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ERT) di UTeM.

Antara modul diterapkan dalam kursus ini ialah peserta diberikan maklumat dan pendedahan tentang peranan dan tanggungjawab, kemahiran menyelamat serta mengendalikan peralatan ketika menghadapi situasi kebakaran.



Peserta kursus turut dilengkapi dengan pendedahan pengetahuan mengenai punca kebakaran. Teknik menyelamat turut diperkenalkan dengan pelbagai peralatan biasanya digunakan untuk memadamkan kebakaran. Berikutan itu, menerusi kursus ini juga, diharapkan akan membentuk sikap kesiapan sediaaan dan tahap kesedaran yang tinggi dikalangan warga kerja kampus keseluruhannya. Antara menjadi penekanan adalah tentang bahaya kebakaran dan langkah keselamatan diambil secara drastik untuk menjamin keselamatan semua pihak.



BENKEL MEWUJUDKAN PETA PENGUNGSIAN BANGUNAN

Bertempat di Hotel Mahkota, Melaka, Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UTeM) telah menganjurkan Bengkel Mewujudkan Peta Pengungsian Bangunan UTeM pada 20 Mei 2010.

Bengkel ini bertujuan memberi maklumat kepada Ahli Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM tentang kaedah menyediakan peta pengungsian bangunan.

Pada bengkel berkenaan, dua penceramah telah diundang iaitu Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh, Vijayan Marimuthu dan Ainuddin Abu Kasim dari Pejabat Pembangunan UTeM.

Vijayan telah menyampaikan ceramah bertajuk "Keselamatan Pejabat dan Bangunan" – Incident Action Plan manakala ceramah Ainuddin pula bertajuk "Sistem Melawan kebakaran Bangunan".

Para peserta juga telah bersama membincangkan secara terperinci peta laluan keluar dari setiap Pusat Tanggungjawab sekiranya berlaku kecemasan dengan kerjasama fasilitator staf Pejabat Pembangunan.



STAF UTeM SERTAI KURSUS FIRST AID TEAM DEDAH CARA MENYELAMAT DI TEMPAT KERJA

Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan kursus First Aid Team Siri 1/2010 di Dewan Auditorium Pusat Pengajian Siswazah UTeM, di sini pada 26 hingga 27 Mei 2010.

Kursus ini merupakan siri pertama disediakan untuk staf yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa First Aid Team (FAT) di Universiti turut melibatkan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar UTeM dan St. John Ambulance Melaka dalam usaha membentuk kesedaran terhadap bahaya yang wujud di tempat kerja.

Para peserta juga telah diberikan maklumat dan pendedahan tentang tahap kecemasan dan panduan serta tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan. Di samping itu, peserta kursus juga telah diberi pendedahan menggunakan setiap peralatan kecemasan sebagai latihan asas untuk menangani kecemasan di tempat kerja.

Kira-kira 30 kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengambil peluang mempelajari teknik menyelamatkan dan bantuan awal kecemasan di dalam Kursus First Aid Team Siri 2/2010, yang berlangsung di Dewan Auditorium Pusat Pengajian Siswazah UTeM, pada 22 hingga 23 Jun 2010.

KAKITANGAN UTeM BELAJAR TEKNIK BANTUAN KECEMASAN

Kursus itu turut mendapat kerjasama daripada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar UTeM dan St. John Ambulance Melaka dimana ianya diadakan selaras dengan fungsi pejabat terbabit yang bertanggungjawab menyebarkan maklumat

berkaitan keselamatan di samping membentuk kesedaran terhadap bahaya yang wujud ketika di tempat kerja.

Antara modul yang diterapkan dalam kursus itu ialah peserta diberikan maklumat dan pendedahan mengenai tahap kecemasan dan panduan serta tindakan yang perlu diambil jika berlaku kecemasan.

Dari sudut praktikalnya, peserta kursus yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa First Aid Team (FAT) di UTeM turut diberi pendedahan menggunakan peralatan kecemasan sebagai latihan asas dalam menangani kecemasan di tempat kerja.



DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Sebagai dengan era Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia, UTeM menyediakan kepimpinan akademik yang selamat dan sihat untuk semua staf, pelajar dan orang lain yang berkaitan dengannya.

UTeM akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (JAKA 1994) dipatuhi serta berada pada tahap yang baik dan memuaskan pada setiap masa.

Acalah menjadi tanggungjawab UTeM untuk:

- i. Mewujudkan dan mengekalkan suasana kerja yang sihat dan selamat;
- ii. Mewujudkan dan menyelenggara sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang teratur, efektif dan aktif selaras dengan undang-undang yang berkaitan;
- iii. Mewujudkan dan menyelenggara prosedur dan sistem kerja yang selamat serta memastikan peralatan keselamatan yang sesuai dan mencukupi pada setiap masa;
- iv. Memujuk kesedaran melalui latihan, penerangan, persberitahuas dan pendidikan di dalam mencegah, mengidentifikasi dan menangani bahaya di tempat kerja;
- v. Mengadakan dan menyebarkan maklumat-maklumat dan petunjuk-petunjuk keselamatan dan kesihatan yang berkaitan dengan pekerjaan di UTeM;
- vi. Sebarang kerap dan setakat yang praktik mengkaji semua polisi-polisi bertulis, program-program dan rancangan-rancangan keselamatan dan kesihatan di UTeM sebagai proses peningkatan dan pembaharuan yang berterusan.

Komitmen semua staf, pelajar dan orang lain yang berkaitan dengan UTeM adalah perlu untuk berurusan semua dasar, polisi dan peraturan berkenaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dipatuhi pada setiap masa.

Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan
Nabi Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
(21 April 2008)

Kalendar Aktiviti Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Canselori 2010

Bil	Nama Program	2010												
		Jan	Feb	Mac	April	May	Jun	Julai	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dec	
1	Mesyuarat Pengurusan PKKP Bil.1/2010		12											
2	Program Kesedaran dan Khidmat Nasihat Berkaitan KKP di PTJ		23-11											
3	Kursus ERT Team Siri 1			17-18										
4	Taklimat Tugas & Tanggungjawab SUA JKPP		24											
5	Kursus ERT Team Siri 2				13-14									
6	Mesyuarat Pengurusan PKKP Bil.2/2010				27									
7	Mesyuarat Bersama SUA JKPP Bil.2/2010				29									
8	Bengkel Mewujudkan Peta Pengisian Bangunan UTeM					20								
9	Mesyuarat JKPP Induk Bil 1/2010					24								
10	Kursus FAT Siri 1/2010					26-27								
11	Kursus FAT Siri 2/2010						22-23							
12	Mesyuarat Pengurusan PKKP Bil.3/2010						24							
13	Audit Keselamatan Kesihatan Pekerjaan di PTJ						28-29							
14	Mesyuarat Bersama SUA JKPP Bil.3/2010							2						
15	Bengkel MPK & FM PKKP							24-25						
16	Bengkel Review SKT Pertengahan Tahun 2010							24-25						
17	Fire Drill bersama Pusat Komputer										28			
18	Fire Drill bersama Kolej Kediaman Emerald										28			
19	Mesyuarat JKPP Induk Bil. 2/2010											3		
20	Bengkel Mewujudkan Pelan Tindakan Kecemasan UTeM (EAP)												10-11	
21	Kursus Asas Keselamatan Makmal dan Bengkel													30

Senaman Ringan (Regangan)

Melakukan senaman ringkas seketika semasa bekerja adalah sesuatu aktiviti yang baik, jika dilakukan dengan teknik yang betul. Senaman boleh menghilangkan ketegangan, merehatkan otot-otot, memperbaiki kelenturan sendi dan otot-otot serta meningkatkan peredaran darah.

LUANGKAN 5-MINIT SENAMAN SELEPAS 60 MINIT BEKERJA

Sumber = Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan


1.Senaman Mata



Sasaran : Otot di sekeliling mata. Tanpa mengelipkan mata, fokuskan renungan pada hujung hidung,tahan seketika dan pejamkan mata. Fokuskan mata antara bulu kening, tahan seketika dan pejamkan mata. Tanpa memusingkan kepala, fokuskan kedua-dua mata pada hujung bahu sebelah kanan, tahan seketika dan pejamkan mata. Lakukan untuk sebelah kiri. Akhir sekali, pejamkan mata, letakkan tapak tangan pada mata dan rehat.


15 Senaman Ringan Untuk Pengguna VDU

2.Gerakan Dagu



Sasaran: Regangan otot pada leher dan kepala. Dalam keadaan duduk, perlahan-lahan gerakkan dagu kebelakang seakan-akan membentuk 2 lapisan dagu dan tahan regangan selama 3 saat. Ulang 5 hingga 10 kali.

3.Regangan Tenguk



Sasaran : Regangan pada otot-otot leher. Perlahan-lahan pusing kepala kekanan sehingga terasa regangan pada leher di sebelah kiri. Tahan selama 3 saat, ulang sebanyak 10 kali untuk kedua-dua belah arah.

4.Angkat Bahu




Sasaran : Otot-otot di bahagian tepi leher. Angkat bahu sehingga hampir mencecah telinga dan tahan selama 3 saat. Turunkan bahu dan tahan posisi tersebut selama 3 saat lagi. Lakukan senaman ini sebanyak 10 kali.

5.Regangan Tulang Selangka



Sasaran : Mengendurkan otot-otot bahu dan melonggarkan sendi. Dalam keadaan berdiri, tekan (squeeze) tulang bahu ke bawah dan ke dalam. Tahan 3 saat dan ulang 10 kali.

6.Tangan Melepasi Kepala




Sasaran : Regangan pada bahu dan otot-otot badan. Angkat tangan melepasi sehingga melepasi kepala. Tahan regangan selama 3 saat dan ulang sebanyak 10 kali bagi kedua-dua belah tangan .

7.Jangkauan Ke Atas



Sasaran : Otot-otot dada, belakang, bahu dan tisu-tisu pada bahu. Tangan berada pada posisi W dengan kedudukan pergelangan tangan di bawah ketinggian bahu. Perlahan-lahan angkat tangan sehingga melepasi kepala, tahan selama 3 saat dan ulang sebanyak 10 kali.


8.Regangan Lengan dan Siku




Sasaran : Otot dan sambungan tisu luar dan dalam lengan dan siku. Tangan berada disisi, perlahan-lahan bengkokkan pergelangan tangan supaya tapak tangan mengadap keatas. Tangan berada disisi semula, bengkokkan pergelangan tangan supaya tapak tangan mengadap ke bawah pula. Tahan 3 saat dan ulang 10 kali untuk kedua-dua belah tangan bagi kedua-dua regangan.

9. Tapak Tangan Ke atas dan Ke bawah

Sasaran : Otot di dalam dan luar lengan. Perlahan-lahan pusing tapak tangan supaya ianya mengadap ke atas dan tahan 3 saat. Kemudian pusing ke arah bertentangan supaya tapak tangan mengadap ke bawah dan tahan selama 3 saat. Ulang 10 kali dan untuk kedua-dua belah tangan.



10. Regangan Tangan



Sasaran : Untuk meningkatkan dan melancarkan pergerakan tendon tangan dan lengan. Mulakan dengan jari lurus ke hadapan. Kemudian tangan digenggam. Selepas itu, hujung jari menyentuh tapak tangan seperti gambar ketiga dan akhir sekali bentukkan jari seperti penyangkut. Setiap senaman tahan selama 3 saat. Ulang senaman sebanyak 5 kali bagi kedua-dua belah tangan.

11. Bengkok ke belakang

Sasaran : Regangan pada bahagian atas badan, pinggul dan sambungannya. Letakkan tangan di bahagian atas punggung, perlahan-lahan bengkok ke belakang badan. Tahan selama 3 saat dan ulang sebanyak 10 kali.



12. Kilas badan




Sasaran : Tisu-tisu dan otot pada tulang belakang. Dalam posisi duduk dan tangan bersilang, perlahan-lahan pusing bahagian atas badan sehingga terasa regangan pada otot-otot tulang belakang dan tahan selama 3 saat. Ulang 5 kali untuk kedua-dua arah.

13. Regangan Hamstring dan Betis

Sasaran : Otot bawah peha, betis dan kaki. Dalam Posisi duduk, luruskan kaki seperti dalam gambar sehingga terasa regangan pada bahagian bawah peha (hamstrings). Kemudian bengkokkan sendi kaki ke dalam dan tahan selama 3 saat. Ulang 10 kali untuk kedua-dua belah kaki.



14. Tarik dan Hembus nafas



Mulakan dengan tangan berada disisi. Tarik nafas dalam-dalam melalui hidung dan hembuskannya melalui mulut. Ketika menarik nafas. Tahan selama 4 saat dan saat lagi ketika menghembus.

15. Senyuman

Berdiri dalam keadaan rehat, tarik nafas dalam-dalam beberapa kalidandanmulakansenyuman. Tahansekurang-kurangnya30saat.

Kaedah ini dapat mengurang ketegangan dan merehatkan otot-otot. Jika anda terasa muram, dukacita, tertekan, penat, marah, atau lesu, cubalah senaman ringkas ini. Minda dan badan anda akan sama-sama bekerja. Jika anda merehatkan minda ini, ia juga akan merehatkan badan.



DAPATKAN NASIHAT DOKTOR JIKA KESAKITAN BERLARUTAN. LAPORKAN KEPADA JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA ANDA MENGENAI MASALAH YANG DIHADAPI.

Hazard Elektrik

Terminologi

Elektrik adalah satu bentuk tenaga yang terhasil daripada pengaliran elektron. Manakala elektrisiti boleh ditakrifkan sebagai aliran zarah bercas negatif. Zarah bercas negatif (elektron) ini mengalir di atas objek atau sesuatu yang mengkonduksikan elektrik. Elektrisiti juga dikenali sebagai Arus. Secara asasnya, elektron akan mengorbit nukleus atom. Nukleus atom ini terdiri daripada zarah bercas positif yang digelar proton dan juga zarah neutral iaitu neutron

Faktor Penting Elektrik

Tiga faktor yang mempengaruhi elektrik ialah:

1. Voltan iaitu perbezaan keupayaan (difference of electrical potential) antara dua titik elektrik atau litar elektronik. Unit SI bagi voltan ialah Voltan (V)
2. Arus iaitu merupakan satu kuantiti dalam sains yang menerangkan kadar pengaliran cas elektrik. Unit SI bagi arus ialah Ampere (A)
3. Rintangan iaitu sifat bagi litar di mana elektrik mengalir dan memberi rintangan kepada arus. Unitnya (R)

Rumus matematiknya ialah: $V = I/R$

Hazard Elektrik

Elektrisiti ataupun arus boleh membunuh. Saban tahun kemalangan yang berpunca dari elektrik direkod. Di United Kingdom misalnya sebanyak 1,000 kemalangan yang melibatkan elektrik dilaporkan. Biasanya kemalangan ini melibatkan kontak secara langsung manusia dengan alatan elektrik yang terdedah contohnya menyentuh kabel elektrik yang luka. Kemalangan yang melibatkan elektrik ini berlaku bilamana prinsip asas keselamatan elektrik tidak dititikberatkan.

Elektrisiti ataupun arus juga boleh menyebabkan kebakaran apabila berlaku litar pintas atau overload. Dari statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia punca kebakaran yang disebabkan oleh elektrik menjadi antara yang tertinggi.



Hazard Elektrik boleh dikelaskan dengan beberapa jenis:

Hazard Elektrik boleh dikelaskan dengan beberapa jenis:

1. Hazard Elektrostatik
2. Hazard Kebakaran
3. Hazard Pencahayaan (mata arka)
4. Hazard Renjatan

Hazard Elektrostatik

Elektrostatik terhasil oleh cas elektrik yang terperangkap di dalam penebat. Cas-cas ini mempunyai voltan yang tinggi tetapi arus yang rendah. Kesan elektrostatik ini akan menyebabkan kejutan. Elektrostatik boleh menjadi hazard kepada manusia bila ia mempunyai voltan tinggi yang boleh mengakibatkan kecederaan mahupun kematian. Elektrostatik juga boleh menjadi hazard kepada persekitaran yang berisiko untuk mewujudkan sumber pencucuhan dalam persekitaran mudah terbakar.

Hazard Pencahayaan

Pencahayaan yang melampau mampu merosakkan sistem penglihatan kita. Mata manusia begitu sensitif dengan cahaya lampau. Hazard ini terdiri dari cahaya ultraungu yang terhasil dari arka elektrik dari silauan cahaya aktiviti kimpalan. Apabila mata melihat secara langsung punca cahaya ini, ianya akan memberi kesan yang dipanggil 'Konjungtivitis'

Hazard Renjatan

Renjatan elektrik adalah hazard utama pada manusia. Renjatan elektrik terjadi bila badan atau anggota badan bersentuhan dengan sumber arus elektrik. Arus ini akan mengalir di dalam badan manusia dan terus ke bumi untuk dineutralkan. Kesan renjatan elektrik ini memberi kesan yang serius dan boleh membawa maut. Arus yang mencukupi menyebabkan fungsi anggota badan terjejas seperti kekejangan otot, kegagalan jantung dan melumpuhkan sistem pernafasan manusia. Berikut adalah antara contoh-contoh keadaan dan kelakuan yang terdedah kepada potensi bahaya elektrik:

1. Pemasangan dilakukan oleh orang yang tidak kompeten.
2. Mengganggu pergerakan jangka.
3. Membuat penyambungan dari rumah ke rumah.
4. Melakukan penyambungan terus ke pemasangan SESB.
5. Pemasangan dalam premis tidak diuji secara berkala.
6. Menyambung beban tambahan tanpa kebenaran.
7. Radas dan pendawaian yang tidak selamat ataupun tidak terlindung.
8. Sistem pembumian (earthing) tidak diperiksa.
9. Melakukan penyambungan tanpa jangka (tidak berdaftar).
10. Menggunakan bahan atau pemasangan yang bermutu rendah ataupun tidak berkualiti.

Sumber:

Suruhanjaya Tenaga dan Komunikasi, Malaysia

Kesan arus elektrik kepada badan manusia.

Arus (mAmps)	Kesan kepada manusia
3 miliamps	Kejutan lembut
7 miliamps	Kejutan elektrik yang menyakitkan
20 miliamps	Kesukaran bernafas
70 miliamps	Risiko kematian
700 miliamps	Tisu badan melecur
3000 miliamps	Jantung terhenti

Sumber: National Safety Council

Pengelasan Alatan Elektrik


Terdapat dua (2) kelas peralatan elektrik yang digunakan secara meluas di negara ini. Ia dikelaskan berdasarkan ciri-ciri keselamatan dan rekabentuknya.

Peralatan Elektrik Kelas I

Peralatan elektrik kelas 1 melingkungi semua alat elektrik yang badannya dibuat daripada logam. Semua peralatan jenis ini mestilah disambungkan ke punca kuasa menggunakan wayar mudah lentur 3 teras iaitu wayar hidup (coklat) dan wayar neutral (biru) yang diperlukan untuk membolehkan peralatan elektrik berfungsi. Wayar bumi (hijau/ kuning) pula diperlukan untuk memastikan arus bocor tidak mengalir ke tubuh pengguna, tetapi terus ke bumi apabila terjadi kerosakan seperti wayar hidup tersentuh pada badan logam peralatan tersebut. Ini boleh menyelamatkan pengguna dari renjatan elektrik.

Peralatan Elektrik Kelas II

Peralatan elektrik kelas II pada amnya ialah peralatan elektrik yang badannya dibuat daripada bahan-bahan bukan pengalir elektrik seperti plastik. Terdapat juga peralatan yang badannya diperbuat daripada logam pengalir elektrik seperti video tetapi masih dikelaskan sebagai peralatan kelas II. Ini kerana ia mempunyai sistem penebatan berganda (double insulation) iaitu penebatan pertama membolehkan ia berfungsi dengan sempurna manakala penebatan kedua memastikan pengguna tidak tersentuh dawai pengalir elektrik jika terjadi kerosakan.



Bagaimana menangani mangsa terkena kejutan elektrik

- 1) Dalam situasi pertolongan cemas, rawatan bagi renjatan mestilah dilakukan dengan segera sebaik sahaja selepas disahkan keadaan renjatan itu dan setelah punca kemalangan dialihkan.
- 2) Baringkan mangsa dengan telentang serta angkat kaki mangsa untuk meningkatkan aliran darah ke otak.
- 3) Pastikan tubuh mangsa diselimuti untuk mengelakkan kesejukan ataupun kehilangan haba.
- 4) Longgarkan pakaian yang ketat dan tali pinggang untuk mengurangkan jerutan di kawasan leher, dada ataupun pinggang.
- 5) Jangan berikan sebarang cecair kerana ia tidak dapat diserap dengan mudah jika diberi melalui mulut.
- 6) Hubungi ambulans dan bawa mangsa ke hospital secepat mungkin.

Keselamatan Elektrik

Di Malaysia didapati kebanyakan pengguna-pengguna elektrik di pemasangan domestik dan tempat kediaman adalah terdiri daripada yang kurang berpengetahuan mengenai keselamatan elektrik. Aspek pengurusan dalam keselamatan pengendalian alat elektrik adalah satu bidang yang penting bagi mengelakkan sebarang insiden dan kemalangan daripada berlaku. Pengurusan yang baik dan teratur membuahkan hasil kerja yang baik dan bersistematik. Ini secara tidak langsung meminimalkan hazard dan risiko yang melibatkan elektrik. Pengurusan keselamatan elektrik diaplikasikan kepada aktiviti yang melibatkan pengendalian alatan elektrik yang merangkumi dari tataamalan permulaan kerja hingga akhir. Tataamalan ini menjadi petunjuk kepada pengendali agar melaksanakan kerja dalam keadaan yang sistematik dan selamat. Di dalam konteks pengurusan keselamatan elektrik, aspek langkah kawalan hazard elektrik dari segi kawalan kejuruteraan dititikberatkan. Langkah kawalan kejuruteraan hazard elektrik boleh dibahagikan kepada:

1. Sistem pembumian
2. Penggunaan bahan antistatik (bertujuan mengurangkan hazard elektrostatik)
3. Penebat berganda (double insulators)
4. Penggunaan fuis untuk mengelakkan pengaliran arus yang tinggi.
5. Pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE)

Elektronik waste (E - WASTE)

E-waste adalah sebutan bagi kategori sampah yang berasal dari barang-barang elektronik misalnya komputer, monitor ataupun television. Ternyata barang-barang elektronik bekas tersebut mengandung zat-zat berbahaya yang boleh menimbulkan berbagai penyakit terutama kanser bagi manusia. Beberapa kategori Ewaste yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar seperti berikut:-

CATEGORY OF E-WASTE

6. The following electrical and electronic equipment or components that are destined for recycling or recovery or disposal are considered as e-waste. This list however is not exhaustive.

- Used television
- Used air-conditioning unit
- Used computer
- Used refrigerator
- Used washing machine
- Used video recorder
- Used pendant light / fluorescent light
- Used telephone
- Used photostatic machine
- Used facsimile machine
- Used microwave / oven
- Used radio
- Used printers
- Used audio amplifier
- Used cathode ray tube (CRT)
- Used electric cable
- Used mobile phone
- Used motherboard
- Used hard disk drive
- Used printed circuit board
- Used waste metal contaminated with heavy metals such as cadmium,

mercury, lead, nickel, chromium, copper, lithium, silver and manganese


- Used lead frame
- Used patterned wafer
- Used ink cartridges
- Used or rejected or waste of integrated circuit
- Used electrical and electronic equipment/product imported from other countries
- Wastes or products processed out of the partial recovery facilities

Berikut merupakan zat-zat berbahaya yang berada di dalam e-waste

1. **Timah**
Suatu racun saraf, juga membahayakan ginjal dan sistem reproduksi. Bahkan paparan timah kadar rendah sekalipun dapat merusak perkembangan mental anak.
2. **PVC**
Jika dibakar jadi abu menghasilkan dioksin yang sangat beracun.
3. **Bromin**
Menyebabkan kerosakan tiroid dan mengganggu perkembangan janin.
4. **Barium**
Menyebabkan gangguan usus, kelemahan otot, kesulitan bernafas, kenaikan ataupun penurunan tekanan darah.
5. **Kromium**
Menghirup bentuk heksavalen dari kromium dapat merusak hati dan ginjal, meningkatkan risiko kanser paru-paru, serta menyebabkan bronkitis asma.
6. **Merkuri**
Merusak otak dan ginjal, berbahaya bagi perkembangan janin dan boleh berpindah melalui air susu ibu.
7. **Berilium**
Merupakan karsinogen dan debunya dapat menyebabkan penyakit paru-paru.
8. **Kadmium**
Paparannya jangka panjang dari karsinogen ini dapat merusak ginjal dan tulang

Di sini saya disediakan contoh yang berlaku di sekitar kita yang mungkin kita terlepas pandang dan beberapa persoalan bagi membuka minda.

Apakah yang anda tahu mengenai gambar dibawah?



Peralatan inilah yang menemani kita dan menerangi kita dikala gelap menjelma apakah yang anda dan saya ketahui mengenai peralatan ini mari kita berkongsi bersama.

Berapakah anggaran rumah di Melaka?

Melalui statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, jumlah penduduk di Melaka adalah seramai 709,402 orang, dengan mengambil kira sebuah rumah diduduki oleh 5 orang dan anggaran minima yang boleh dibuat adalah 140,000 buah rumah yang berada di Melaka.

Berapakah anggaran jumlah mentol jenis fluorescent tube untuk menerangi sebuah rumah pada malam hari?

Anggaran sebanyak 4 biji mentol sebuah rumah.

Berapakah anggaran jumlah lampu fluorosent yang telah ada di muka negeri Melaka ini?

140,000 buah rumah X 4 biji mentol = **560,000 biji mentol**

Apakah kandungan yang terdapat didalam mentol tersebut?

PHILIPS

Philips Lighting Company

MATERIAL SAFETY DATA SHEET

Revised: 7/06

PRODUCT: Standard Cool White, Warm White, Daylight, and Circline

SECTION 1: MANUFACTURER

Manufacturer's Name and Address: Philips Lighting Company
A Division of Philips Electronics
North America Corporation
200 Franklin Square Drive
Somerset, N. J. 08875-6800

Emergency Telephone No.: (800) 424-9300 CHEMTREC
(732) 563-3197 Safety and Compliance

Other Information Calls: (800)-PLC-BULB

SECTION 2: HAZARDOUS INGREDIENTS

	OSHA PEL	ACGIH TLV	PERCENTAGE
Inert ingredients (glass, aluminum, etc.)			approx. 97% by wgt.
Phosphor powder*			approx. 3% by wgt.
nuisance dust	15mg/m3	10mg/m3	
fluorides*(16984-48-8)	2.5mg/m3	2.5mg/m3	approx. .01% by wgt.
antimony*(7440-37-0)	.5mg/m3	.5mg/m3	approx. .01% by wgt.
manganese*(7439-96-5)	5mg/m3(c)	5 mg/m3	approx. .02% by wgt.
Mercury(7439-97-6)	.1 mg/m3 Ceiling	.025 mg/m3 8 hr. TWA	approx. .01% by wgt.

*These materials are tightly bound within the calcium phosphate crystal matrix.

Dimanakah selama ini anda membuang lampu flouresent yang telah rosak?

- Belakang rumah?
- Pecahkan dan buang dalam tong sampah?
- Tapak pelupusan sampah?
- Premis yang dilesenkan oleh kerajaan Malaysia?

Bagaimana E-waste boleh mencemari manusia?

- Dengan kontak secara terus dengan zat – zat berbahaya daripada E-waste.
- Pelupusan dengan cara menanam ditapak pelupusan atau membuang secara terus keatas tanah dan sungai akan mengakibatkan pencemaran air sungai dan air bawah tanah yang digunakan untuk kita minum oleh zat – zat berbahaya dari E-waste.

Dan beberapa persoalan seterusnya bolehlah dijawab dengan sendiri;

Berapa banyak mentol fluorescent telah dibuang begitu sahaja tanpa mengikut cara yang betul?


Berapa banyak tanah di Melaka ini telah dicemari oleh zat – zat berbahaya dari buangan lampu fluorescent atau E-waste?

Beberapa contoh kes yang dikategorikan sebagai malapetaka boleh kita amati yang telah berlaku di beberapa Negara, bagaimana zat – zat berbahaya mencemari manusia sehingga kesannya diterima beberapa keturunan akibat pengurusan buangan sisa toksik atau lebih dikenali sebagai sisa terjadual tidak mengikut cara yang betul :-

- **Love Canal** - http://en.wikipedia.org/wiki/Love_Canal
- **Minamata disease** - http://en.wikipedia.org/wiki/Minamata_disease

Sekarang anda sudah tahu bahaya dari E-waste, oleh kerana itu jika anda mempunyai barang-barang elektronik yang sudah using, jangan dibiarkan saja bahkan terletak di luar rumah terkena hujan ataupun panas, kerana zat-zat berbahaya dari e-waste dapat terpapar melalui air, tanah ataupun udara. Sebaiknya jika ada program tukar tambah barang bekas elektronik, segeralah mengikutinya agar barang elektronik usang milik anda dapat ditangani oleh pihak yang lebih berkompeten.


CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA INDUK PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UTeM



SENARAI AHLI JAWATANKUASA INDUK PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UTeM

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN	PENGERUSI
2	ENGR. ZULKIFLI BIN SHARIFF	PENGARAH PEJABAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PKKP)
3	ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN	DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA)
4	EN. HASAN BIN SIRUN	PENDAFTAR
5	EN. KHAIRUL BIN TAIB	BENDAHARI
6	PN. HJH. FARIDAH BINTI HJ. MD AMIN	KETUA PUSTAKAWAN
7	PROF. MADYA MUHAMAD SYAHRIR BIN JOHAL	DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK)
8	PROF. MADYA DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM	DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)
9	PROF. DR. MD RAZALI BIN AYUB	DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)
10	DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH	DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)
11	PROF. DR. HJ. SHAHRIN BIN SAHIB @SAHIBUDDIN	DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (FTMK)
12	PROF. DR. HJ. MOHD TAIB BIN HJ DORA	DEKAN PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN (PBPI)
13	PN. HJH. NORIDA BINTI ATTAN	PENGARAH PEJABAT PEMBANGUNAN
14	EN. MOHD ISA BIN MOHD DOM	PENGARAH PUSAT KOMPUTER
15	DR. MD. NOR HAYATI BIN TAHIR	DEKAN FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWAN
16	PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD. LANI	PENGARAH PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI (P.JKA)
17	PROF. DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD	DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH (PPS)
18	KAPT (B) ABDUL WAHID BIN SULAIMAN	PEGAWAI BAHAGIAN KESELAMATAN PEJABAT PENDAFTAR
19	PROF. MADYA DR. RAJA ROSLAN BIN RAJA ABD. RAHMAN	PRESIDEN PERSATUAN PEGAWAI AKADEMIK UTeM (UTeMASA)
20	EN. MISDOM BIN LAN	PRESIDEN PERSATUAN PEGAWAI TADBIR DAN IKHTISAS UTeM (PRAKTIS)
21	EN. JAMAL ABD. NASIR BIN ABD WAHAB	PRESIDEN PERSATUAN KAKITANGAN AM UTeM (KEKUTeM)
22	SDR AHMAD IBRAHIM BIN YAZIRRUDDIN	YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB



SENARAI AHLI JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB

PEJABAT PENDAFTAR PENGERUSI En. Hasan bin Sirun SETIAUSAHA Cik Sharifah Aishah Bt. Syd Ismail WAKIL MAJIKAN En. Wahy bin Nordin En. Masdzarif bin Mahat En. Mohd Nizam bin Pavel Pn. Azizah bte Saban WAKIL PEKERJA En. Ahmad Hafiz bin Mohd Puad Pn. Murni bte Abu En. Jais bin Sapuan En. Mohd Hamdan bin Abdul Talib	JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM) En. Azhar bin Ismail En. Zamani bin Salleh En. Saiful Anuar bin Mohamad En. Izwan bin Mohamad En. Muhammad Hafeez Bin Achim JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM) En. Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin Pn. Azrina bte Alwi En. Muhammad Shuhaimi bin Abu Bakar En. Omar bin Abdul Aziz Cik Azurah bte Ahmad
--	---

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI PENGERUSI Engr.Prof.Dr. Marizan bin Sulaiman SETIAUSAHA En. Zainudin bin Ahmad WAKIL MAJIKAN En. Mohd Yaszli bin Mohamed Rahis Pn. Mazne binti Ja'afar WAKIL PEKERJA En. Mohd Rusdi bin Isohod En. Abdul Rashid bin Abdul Rahman WAKIL PELAJAR Sdr. Ahmad Ibrahim bin Yaziruddin / YDP, MPP	JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM) En. Hafzi bin Mohamad En. Fadzy bin Nordin En. Shahrl bin Abdul Rahim En. Amir Sharfuddin bin Mohd Yasin En. Hamidon bin Yaacob JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM) En. Krishnan a/l Marimuthoo Pn. Huzaimah binti Husin En. Muhammad Nizam bin Mansor En. Muhammad Akmal bin Mad Yatim En. Azlan bin Aziz
--	---

PEJABAT BENDAHARI PENGERUSI En. Khairul bin Taib SETIAUSAHA Pn. Norsuhada binti Mansor WAKIL MAJIKAN Pn. Noraini bte Zabidin En. Bakri bin Abu Bakar Pn. Sabarina bte Abdullah WAKIL PEKERJA En. Rashdan bin Muhammad Pn. Suniyanty bte Kasban	JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM) Pn. Azlina bte Azhari En. Mohd Hary bin Ujang Pn. Aslinda bte Suandi En. Mohd Hapiz bin Mohd Ariffin Pn. Noralisa bte Ramlee JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM) En. Khairi Amri bin Mohamad Pn. Noridah bte Talib En. Mohd Faisal bin Isa Pn. Surayah bte Sae
--	--

KOLEJ KEDIAMAN PENGERUSI En. Abdul Halim Hakim bin Abdul Aziz SETIAUSAHA En. Abdul Halim bin Mohamad Noh WAKIL MAJIKAN Pn. Mahanum bin Mohd Zamberi Cik. Aida bin Salleh WAKIL PEKERJA En. Zamrin Hasbullah bin Hj. Tamby Omar En. Abdul Rashid bin Abdul Rahman	WAKIL PELAJAR Pengerusi JAKSIS kolej kediaman TTU Pengerusi JAKSIS kolej kediaman Bunga Raya Pengerusi JAKSIS kolej kediaman Emerald Pengerusi JAKSIS kolej kediaman Murni Pengerusi JAKSIS kolej kediaman Murai Jaya
---	---

PERPUSTAKAAN PENGERUSI Pn. Hj. Faridah bte Hj. Md Amin SETIAUSAHA En. Mohd Shahar bin Akashah WAKIL MAJIKAN Cik Siti Noor Kiah bte Syed Abdul Malek En. Mahadir bin Che Ali WAKIL PEKERJA Pn. Norziyana bte Hanipah En. Mohd Nasir bin Hashim	JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM) En. Harulrizam bin Mohamed@Ghazali En. Zaidi bin Saad En. Noor Rahman Jamiah bin Jalil En. Norhairul bin Khalid En. Muhammad Hafeez bin Zainudin JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM) En. Zulkarnaen bin Mahat En. Muhammad Afiz bin Ahmad Pn. Norfazin bte Tambi Chek Pn. Sabariah bte Ismail
--	---

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK) PENGERUSI Prof. Madya Muhammad Syahrir bin Johal SETIAUSAHA En. Ir. Nik Azran bin Ab. Hadi WAKIL MAJIKAN En. Fauzi bin Hj. Abd Wahab En. Afifah Maheran Abdul Hamid En. Saifullah bin Salam En. Khairulazha bin A. Aziz WAKIL PEKERJA En. Hairullisam bin Md Dom Pn. Fauzura binti Mohd Salleh En. Mohd Aeni bin Amin Pn. Hafizah binti Adnan En. Ahmad Fauzan bin Kadrin	JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM) En. Mahadi bin Salleh En. Yusri bin Othman En. Mohd Effendy bin Abidin En. Azmi Zakaria En. Md Jais bin Ibrahim En. Mohd Faizal Zakaria JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM) En. Muhammad Syahrizan bin Johal En. Izwan bin Hamdan Pn. Nur Syahida binti Yahya En. Azizi Osman En. Mohd Sazrin bin Sahad
---	---

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE) PENGERUSI Prof. Madya Dr Zulkiflil Bin Ibrahim SETIAUSAHA En. Asri bin Din WAKIL MAJIKAN En. Ahmad Zubir bin Jamil En. Mohd Farriz bin Hj. Md. Basar En. Aminurrahid bin Noordin En. Syahrul Hisham bin Mohamad WAKIL PEKERJA En. Subki bin Mat Kahar En. Mohamad Helman bin Abdul Rahman En. Azhan bin Abdul Raub Cik Siti Aishah bte Mat Zain	JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM) En. Mohd Firdaus bin Ghazali En. Mohd Arif bin Mohd Nor En. Mohd Hedzuan bin Hasbullah En. Fadhil bin Ahmad En. Zulkifli bin Hussin JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM) En. Ahmad Fuad bin Jaapar En. Luqman Al-Hakim bin Selamat Pn. Nurdiana bte Rasib Pn. Azliani bte Md Ngari En. Abu Zar bin Yashim
--	---

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM) PENGERUSI Prof. Madya Ir. Abdul Talib bin Din SETIAUSAHA En. Shamsul Bahari bin Azraai WAKIL MAJIKAN En. Mohd Rizal bin Alkahari En. Imran Syakir bin Mohamad En. Zulkifli bin Ishak Cik. Asriana binti Ibrahim WAKIL PEKERJA En. Muhamad Muzaini bin Sahary En. Ridzuan bin Ahmad En. Johardi bin Abdul Jabar En. Rashdan bin Seman	JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM) En. As. Jufri bin Muhajir En. Junaidi bin Salam En. Mohd syakir bin Mohtarudin En. Ismail bin Ibrahim En. Azhar bin Ab Aziz En. Azmir bin Amzah JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM) En. Hairul Nizam bin Daud En. Hasrul Hadi bin Abu Samah Cik. Nor Hidayah binti Rosly En. Mohd Saufi bin Alimat Cik Nurussalwa Binti Tamby Suleiman En. Ahmad Fitri bin Adam
--	--

<p>FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)</p> <p>PENGERUSI Dr. Mohd Rizal bin Salleh</p> <p>SETIAUSAHA En. Nik Mohd Farid bin Che Zainal Abidin</p> <p>WAKIL MAJIKAN En. Nor Akramin bin Mohamad Dr. Mohd Warikh bin Abd. Rashid Dr. Zamberi bin Jamaludin En. Tajul Ariffin bin Abdullah</p> <p>WAKIL PEKERJA En. Sahar bin Salehan En. Jaafar bin Lajis Cik Nur Aznah bte Amir En. Azman bin Mat Aris</p>	<p>JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM)</p> <p>En. Azman bin Mat Aris En. Mohd Raduan bin Khalil En. Mohd Hisyam bin Ibrahim En. Mohd Soufwee bin Abd. Rahman En. Fairus bin Ninggal</p> <p>JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM)</p> <p>En. Hanizam bin Hashim Cik Zarina bte Ma'arip En. Muhamad Asari bin Abdul Rahim Cik Marhamah bte Ahmad En. Abdul Rahman bin Kamris</p>
--	--

<p>FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (FTMK)</p> <p>PENGERUSI Prof Dr Shahrin bin Sahib @Sahibuddin</p> <p>TIMBALAN PENERUSI Dr Burairah bin Hussin</p> <p>SETIAUSAHA En. Muhammad Sopian bin Baharom</p> <p>PENOLONG SETIAUSAHA En. Mohd Rady bin Ab Karim</p> <p>WAKIL MAJIKAN Dr.Samad Hasan Basari Dr Syarifnor Hisham Dr. Abd Samad bin Shihghatullah Pn. Emaliana binti Kasmuri</p> <p>WAKIL PEKERJA Pn.Sharifah Intan binti Osman En Khairulnizam bin A.Rahman En. Mohd Nizam Bin Said En Mohd Ridzuan Bin Jamaludin</p> <p>WAKIL PELAJAR En.Mohd Ikkaruddin bin Mat Rani En.Arif Affendi bin Che Hamid</p>	<p>JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM)</p> <p>En. Kharmizi bin Khamis En Shahrizan bin Abdullah En. Mohd Fahrulrazi bin Saij En Badrulhisham bin Haron En. Hazre bin Haron</p> <p>JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM)</p> <p>En. Mohd Haffez bin Khalik Pn. Zuraiyati binti Abd Rahim Pn.Siti Hajar Binti Abd Latiff En.Sharudin bin Ab Majid En. Mohd Rif'an bin Abdul Rahman</p>
---	--

<p>PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN (PBP)</p> <p>PENGERUSI Prof. Dr. Hj. Mohd Taib bin Hj. Dora</p> <p>SETIAUSAHA Pn Suhadawati Ahmad</p> <p>WAKIL MAJIKAN En. Ahmad Jawahir bin Tugimin Pn. Muliati bte Sedek</p> <p>WAKIL PEKERJA Pn. Noraini bte Husin Pn. Rusni bte Hasan</p>	<p>JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM)</p> <p>En. Rahman bin Hashim En. Mohamad bin Hj. Bokhari</p> <p>JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM)</p> <p>En. Rosli bin Saadan Pn. Asiah bte Hj. Mohd Pilius</p>
--	--

<p>PEJABAT PEMBANGUNAN</p> <p>PENGERUSI Pn. Hjh. Noraida bte Attan</p> <p>SETIAUSAHA En. Ainuddin bin Abu Kasim</p> <p>WAKIL MAJIKAN En. Abdul Wahab bin Harun En. Ir. Mohd Rayme bin Anang Masuri En. Musa bin Abdullah Pn. Siti Norani bte Dolah</p> <p>WAKIL PEKERJA En. Shahrin bin Moksen En. Anis bin Md Tahir En. Kamalulzaman bin Tubah En. Mohd Isa bin Wahab</p>	<p>JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM)</p> <p>En. Faizal bin Kamdi En. Md Fauza bin Nahrari En. Muhamad Fazli bin Abd Barri En. Nasri bin Md. Yusof En. Muhammad Fazlie bin Ramli En. Mohd Khairul Akmal bin Mohd Noor</p> <p>JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM)</p> <p>Pn. Norlela bte Rosnan Pn. Jamalindah bte Wahid Pn. Nik Asmah bte Nik Aziz En. Mohd Khairuddin bin Selamat En. Muhammad Akmal bin Abd Shukor En. Muhammad Redzuan bin Masjan</p>
---	---

<p>PUSAT KOMPUTER</p> <p>PENGERUSI En. Mohd Isa bin Mohd Dom</p> <p>SETIAUSAHA Cik Aida bte Salleh</p> <p>WAKIL MAJIKAN En. Samsul bin Samdin Pn. Norhazlena bte Sabtu</p> <p>WAKIL PEKERJA En. Jamal Nasir bin Abdul Wahab Pn. Nor Reha binti Muslim</p>	<p>JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM)</p> <p>Pn. Norhazlena bte Sabtu Pn. Mazura bte Mustafa En. Hairul bin Anwar En. Mohd Shafarim bin Mohd Said Pn. Siti Hajar bte Yaakop</p> <p>JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM)</p> <p>Pn. Mimi Rahayu bte Hamdin En. Haironi bin Fadziyah Pn. Noorazlina bte Yusop En. Mohd Fitri bin Suhaimi Pn. Iristika Murni bte Selamat</p>
--	---

<p>KAMPUS BANDAR UTeM</p> <p>PENGERUSI Dr. Md.Nor Hayati bin Tahir</p> <p>SETIAUSAHA Noorzilah binti Mohamed</p> <p>WAKIL MAJIKAN Prof. Madya Ahmad Rozelan bin Yunus</p> <p>WAKIL PEKERJA En. Mohd Fazli bin Mohd Sam Pn. Nurul Nadiah binti Mohd Noor</p>	<p>JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM)</p> <p>Pn. Ganagambegai A/P Laxamanan En. Mukhiffun bin Mukapit Pn. Norhasanah binti Zainal En. Nor Hairulazuan bin Zahari Pn. Norfaezah binti Mohd Tarmizi</p> <p>JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM)</p> <p>Pn. Nurul Zarirah binti Nizam Pn. Siti Norbaya binti Yahaya Pn. Elia binti Arof Nur Fatehah binti Isa En. Muhammad Shahrin Pritam bin Abdullah</p>
--	---

<p>PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH (PPS)</p> <p>PENGERUSI Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad</p> <p>SETIAUSAHA Dr. Tay Choo Chuan</p> <p>WAKIL MAJIKAN En. Zulfatria bin Abdullah Pn. Norhayati bte Abu Bakar</p> <p>WAKIL PEKERJA En. Muhamad Nizam bin Ayof En. Mohd Nazri bin Muslim</p>	<p>JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM)</p> <p>En. Muhamad Nizam bin Ayof En. Mohd Nazri bin Muslim Pn. Sabrinah bte Buang Pn. Noreni bte A. Rahman En. Syaridan bin Shaarani</p> <p>JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM)</p> <p>Dr. Tay Choo Chuan En. Zulfatria bin Abdullah Pn. Norhayati bte Abu Bakar Pn. Siti Aisyah bte Daud Pn. Noreni bte A. Rahman</p>
--	--

<p>PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI</p> <p>PENGERUSI Prof. Madya Shahdan bin Md Lani</p> <p>SETIAUSAHA Pn.Aini binti Abd Ghaffar</p> <p>WAKIL MAJIKAN Pn.Aini binti Abd Ghaffar</p> <p>WAKIL PEKERJA Pn. Siti Suhailah bte Ahmad</p>	<p>JAWATANKUASA ERT (EMERGENCY RESPONS TEAM)</p> <p>Pn.Aini binti Abd Ghaffar Pn. Siti Suhailah bte Ahmad</p> <p>JAWATANKUASA FAT (FIRST AID TEAM)</p> <p>Pn.Aini binti Abd Ghaffar Pn. Siti Suhailah bte Ahmad</p>
---	---

GALERI

